

Headline	Mengenali Usman Awang
Date	10. Jul 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	23
Article Size	593 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Mengenali Usman Awang

Selepas peristiwa 13 Mei 1969, karya-karya Allahyarham menjadi medium untuk memulihkan integrasi, persefahaman antara kaum dan nilai-nilai moral yang terluka akibat daripada kejadian tersebut.



ALLAHYARHAM USMAN AWANG

SASTERAWAN Negara Datuk Usman Awang (dianugerahkan pada 1983), nasionalisme, bahasa Melayu dan kesusastraan merupakan elemen-elemen yang tidak dapat dipisahkan. Ia merupakan sebuah pakej yang unik dan mengagumkan lahir ditangannya.

Ketika negara baru setahun mencapai kemerdekaan, karya-karya Usman adalah antara pengisinya. Beliau melontarkan cadangan, menegur serta mengkritik kepimpinan kepimpinan, isu sosial, politik dan apa sahaja untuk memajukan bangsanya.

Elemen yang sangat ditekankan ialah pembelaan terhadap golongan miskin serta penggunaan bahasa Melayu sebagai alat integrasi, pendidikan, kehakiman dan sebagainya bagi menggantikan bahasa Inggeris yang sinonim dengan kolonialisme.

Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, karya-karya Allahyarham menjadi medium untuk memulihkan integrasi, persefahaman antara kaum dan nilai-nilai moral yang terluka akibat daripada kejadian tersebut.

Hari ini, selepas lapan tahun meninggal dunia, khazanah intelektual dan kreatif Allahyarham sentiasa relevan untuk menjadi medium pengisian pembangunan dan pembinaan masa depan negara.

Cetusan kreatif

Imi kerana karya-karya Allahyarham bukan sekadar sebuah cetusan kreatif tetapi juga kerangka pemikiran yang bukan sahaja mampu membicarakan masa lalu dan sekarang tetapi juga persoalan masa depan bangsa.

Dalam bidang penulisan, Allahyarham lebih terkenal dengan lebih 200 puisi dan drama. Antara sajak yang menjadi *magnum opus* beliau ialah *Bunga Popi*, *Gadis Kecil*, *Ke Makam Bonda*, *Kekasih*, *Kurang Ajar*, *Pak Utih* dan *Suara Dari Pusara*.

Dramanya yang terkenal pula ialah, *Matinya Seorang Pahlawan*, *Tamu Bukit Kenny*, *Serunai Malam*, *Malam Kemerdekaan*, manakala naskhah

drama muzikalnya ialah *Uda dan Dara*.

Hanya ada satu novel karya Allahyarham iaitu *Tulang-tulang Berserakan* yang diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa asing. Terbaru, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) menterjemahnya ke bahasa Inggeris dengan judul *The Scattered Bones*.

Sejarah kepengarangannya membuktikan Allahyarham merupakan seorang penulis yang berani menyatakan sikap dalam hal-hal besar yang menumpa negara.

Baginya, seseorang hanya layak digelar penulis bila sudah berani menyatakan sikap dan pendirian. Kalau tidak, seseorang itu jangan menjadi pengarang.

Antara lain, beliau pernah berkata "Saya menentang sikap prejudis terhadap bahasa Melayu. Saya hampa kerana pemimpin negara sendiri yang tidak percaya kepada kemampuan bahasa kebangsaan".

Sempena mengingati kelahiran Allahyarham pada 12 Julai 1929 (ke-79 tahun), Fakulti Bahasa Moden dan

Headline Mengenali Usman Awang
Date 10. Jul 2008
Media Title Utusan Malaysia

Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengajurkan Seminar Sasterawan Negara Usman Awang pada 12 Julai ini.

Seminar sehari bertema *Kesusasteraan, Idealisme dan Kemanusiaan* itu akan berlangsung di Dewan Kuliah Zaaba, fakulti berkenaan. Ia antara lain akan menggali nilai intelektual, keupayaan kreatif, kekuatan bahasa dan kepengarangan Allahyarham.

Pembentang-pembentang kertas kerja pada seminar tersebut ialah Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh (*Meneliti Bahasa Usman Awang Dalam Karya Kreatifnya*), Dr. Firdaus Abdullah (*Tribut Untuk Usman Awang: Sebuah Pengalaman Akrab*), Haslina Usman (*Usman Awang Sebagai Ayah, Ketua Keluarga dan Sasterawan*) dan Dr. Arbaie Sujud (*Stilistik Dalam Puisi dan Cerita Pendek Usman Awang*).

Prof. Madya Arbak Othman pula akan membentang *Persoalan Falsafah Dalam Karya Usman Awang* dengan kajian *Degup Jantung dan Tulang-tulang Berserakan* manakala Dr. Lim Swee Tin akan memperkatakan *Keindahan Bahasa Dalam Cerpen Usman Awang*.

Kewiraan

Dalam pada itu, Zakaria Ariffin akan membentang kertas kerja bertajuk *Membaca Drama Usman Awang: Mencari Makna Kebenaran, Kewiraan, dan Kemanusiaan*, manakala Dr. Samsina Abdul Rahman akan memperkatakan *Unsur-unsur Islam Dalam Seberkas Puisi Mutakhir Usman Awang*.

Pembentang-pembentang kertas kerja lain ialah Halimah Hassan (*Pengaruh Sastera Tradisional dalam Drama dan Cerpen Usman Awang*), A. Rahim Abdullah (*Membaca Tanda-tanda Tulang-tulang Berserakan: Mencari Romantik dan Nasionalisme Seorang Usman Awang*) dan Hanafi Ibrahim (*Persoalan Gender Dalam Puisi, Cerpen dan Novel Usman Awang*).

Penyair Prof. Raham Shaarif pula akan membentang *Perutusan Seni, Sosial-Politik dalam Tulang-tulang Berserakan* dan Datul Dr. Ahmad Kamal Abdullah (*Nilai Perjuangan dan Sahsiah Diri dalam Cerita Pendek Harga Hidup dan Rimbaku, Airmata*).

Sementara itu, Prof. Dr. Siti Zainon Ismail akan memperkatakan *Lima Puisi, Sebuah Cerpen dan Sebuah Drama Usman Awang*, Dr. Abdul Rahim Marasidi (*Falsafah Pemikiran Usman Awang dalam Puisi-puisi Pilihan*), Dr. Fazilah Husin (*Kemerdekaan dan Pengisiannya Dalam Drama Usman Awang*) dan Dr. Kamariah Kamarudin (*Menanggapi Pemikiran Usman Awang dalam Novel Tulang-tulang Berserakan*).

Ida Baizura Bahar akan membentang kertas kerja bertajuk *Kreativiti dan Kemelayuan Usman*.

Awang Dalam Puisi Melayu, Drs. Mohd. Daud Mohamad (*Kemelayuan Amir Hamzah dan Usman Awang*) dan Rahimah Hamdan (*Musikaliti dalam Puisi Usman Awang*).

Sarjana-sarjana lain yang akan memperkatakan tentang Allahyarham ialah Dr. Chong Fah Hing (*Karya Usman Awang Dari Perspektif Masyarakat Cina*), Dr. Zalina Mohd. Kassim (*Puisi Usman Awang*) dan Dr. Jusang Bolong, (*Mesej Komunikatif dalam Puisi Usman Awang*).

Sempena seminar tersebut akan diadakan majlis baca puisi yang akan menghadirkan Selina S.F. Lee, Mat Taib Nordin, Dr. Samsina Abdul Rahman, Dr. Arbaie Sujud, Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh, Haslina Usman Awang, Dr. Lim Swee Tin, Prof. Madya Arbak Othman, Salmiah Ismail, Dr. Firdaus Abdullah dan Dr. Ahmad Kamal.

Peserta seminar tersebut dihadkan kepada 200 orang dan terbuka kepada pencinta sastera Melayu, yakni khalayak sastera, aktivis, pensyarah, siswa bidang kesusteraan, sasterawan, pemimpin badan penulis dan wartawan.

Yuran pendaftaran ialah RM40 (individu), RM100 peserta berkumpulan (3 orang) dan RM20 (pelajar individu). Keterangan lanjut hubungi 03-89468787 (Dr. Arbaie Sujud), 012-2029130 (Dr. Ahmad Kamal).



DR. AHMAD KAMAL ABDULLAH



A. RAHIM ABDULLAH



ZAKARIA ARIFFIN